



Selamat Datang Ke Laman Portal  
**Universiti Putra Malaysia**



(https://50tahun.upm.edu.my)

BM

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan\_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

📌 (/) » BERITA (/BERITA) » Lawatan kerja Ketua Menteri Sarawak perkukuh peranan Hab Penyelidikan Sumber Hutan UPMKB

Senarai Berita (/berita)

## Lawatan kerja Ketua Menteri Sarawak perkukuh peranan Hab Penyelidikan Sumber Hutan UPMKB

Oleh: Mohammad Nazry Hisham  
Foto oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



**BINTULU** - Lawatan Kerja Ketua Menteri Sarawak Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg ke UPM Kampus Bintulu (UPMKB), Sarawak telah berlangsung pada 10 Disember 2021. Beliau turut diringi oleh Yang Berhormat Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom, Menteri Utiliti Sarawak dan Yang Berhormat Datuk Haji Talib Bin Zulplipi, Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Sarawak (Integriti dan Ombudsman).

Turut hadir bersama menyambut lawatan tersebut, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis, Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail dan juga Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman.

30 tahun yang lalu, YAB Datuk Patinggi telah menanam pokok spesies Belian (*Eusideroxylon Zwageri*) sebagai simbolik penanaman pokok di tapak Projek Pemuliharaan Hutan ketika beliau memegang jawatan sebagai Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak pada 15 Julai 1991.



Ketika lawatan kerja ini, YAB Datuk Patinggi bersama Pengerusi LPU dan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia sekali lagi menanam pokok spesies yang sama dan pada kali ini sebagai Ketua Menteri Sarawak pula.

Beliau turut mendengar taklimat 'UPMKB For Sarawak' yang disampaikan oleh Profesor Dr. Shahrl Razid Sarbini, Pengarah UPM Kampus Bintulu Sarawak.

UPM telah menyampaikan bingkai gambar kenangan YAB Ketua Menteri Sarawak ketika beliau menanam pokok belian 30 tahun lalu dan juga perkhidmatan Buku Pelan Strategik UPM 2021-2025.



Selain itu, beliau turut berkhidmat ke Mini Pameran UPMKB di Dewan Sidang serta menandatangani plak sebagai simbolik Lawatan Kerja ke UPM Kampus Bintulu, Sarawak.

Pada awal pagi sebelum memulakan Lawatan Kerja ini, YAB Ketua Menteri Sarawak telah merasmikan pembukaian Persidangan 'The International Conference On Forest Resources Management 2021' yang dianjurkan oleh UPMKB bersama rakan kolaborasi di Hotel Promenade, Bintulu.

Ketika majlis perasmian tersebut YAB. Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan peruntukan dana Hub Penyelidikan Sumber Hutan kepada Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu sebanyak RM10.95 Juta.

Peruntukan dana hub penyelidikan dan Kerajaan Negeri Sarawak ini menyokong serta memperkukuhkan lagi hala tuju Universiti Putra Malaysia berdasarkan Pelan Strategik UPM 2021-2025 pada matlamat keduanya iaitu; Mewujudkan Hab Penyelidikan dan Inovasi yang Menjanjikan Nilai Bertaraskan Ekosistem Lestari. - UPM

Tarikh Input: 21/02/2022 | Kemaskini: 21/02/2022 | hairul\_nizam

### LIHAT JUGA



INSPEM sambut ulang tahun ke-20 penubuhan di UPM (/berita /inspem\_sambut\_ulang\_tahun\_ke\_20\_penubuhan\_di\_upm-66234)



Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia UPM anjur bengkel menggubal dasar 'National Transfer Account' bersama Kementerian Kewangan dan PBB (/berita /institut\_penyelidikan\_penuaan\_malaysia\_upm\_anjur\_bengkel\_menggubal\_dasar\_national\_transfer\_accou nt\_bersama\_kementerian\_kewangan\_dan\_pbb-66233)



Pusat Rawatan Kecil (PRK) Darussyifa' Masjid UPM dirasmikan (/berita /pusat\_rawatan\_kecil\_prk\_darussyifa\_masjid\_upm\_dirasmikan-66125)



Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
☎ +603-9769 1000  
✉ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

4/4/2022, 8:29 am